

Cantumkan simpulan bahasa di bahagian A dengan maksud-maksud yang diberikan di bahagian B.

A
1. Berpeluk tubuh
2. Anak bulan
3. Bersaksi ke lutut
4. Derma kilat
5. Jadi umang-umang
6. Langkah seribu
7. Ada akal
8. Besar hati
9. Banyak mulut
10. Telinga lintah

B
Mengambil sanak saudara sebagai saksi.
Cabut lari.
Derma yang dipungut dengan serta-merta untuk bantuan kecemasan.
Tidak mengendahkan sesuatu pun.
Terlalu banyak bercakap.
Cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
Orang yang lekas mendengar.
Bulan sebagaimana yang kelihatan pada hari pertama bulan hijrah.
Bangga.
Suka menggunakan hak orang lain.

Lengkapkan ayat dengan simpulan bahasa yang telah disediakan.

ada akal	telinga lintah	derma kilat	banyak mulut
berpeluk tubuh	jadi umang-umang	langkah seribu	

1. Tabung _____ untuk membantu mangsa tanah runtuh telah dilancarkan baru-baru ini.
2. Tahir hanya _____ semasa kawan-kawannya sibuk membersihkan kelas mereka.
3. Penagih dadah itu membuka _____ apabila ternampak kereta peronda polis menuju ke arah tempat mereka berkumpul.
4. Samad _____ untuk menyelesaikan masalah kewangannya.
5. Julia memang _____ kerana setiap kali ada berita panas, sudah pasti dia mengetahuinya terlebih dahulu.